



LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **G1** yang **berdaftar** dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera**, mempunyai **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** berstatus **PATUH** beralamat di **Daerah Timur Laut Sahaja** dalam kod bidang seperti dinyatakan di bawah yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN/JUAL	TARIKH TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
LPNPP/3/2026	Kerja-kerja Membaharumuka Jalan (Resurfacing) Serta Kerja-kerja yang Berkaitan di Rumah Pangsa Taman Tun Sardon, Fasa 1, DTL	G1 Kategori CE Pengkhususan CE01	<u>Iklan</u> 19 Februari 2026 <u>Jual</u> 25 Februari 2026	25 Februari 2026 Masa Pendaftaran 10.00 – 11.00 pagi Taklimat 11.00 Pagi	04 Mac 2026 12.00 Tengah Hari

- Pembelian Dokumen Sebut Harga boleh dibuat di Portal Rasmi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) <https://www.lpnpp.gov.my/> mulai 25 Februari 2026 (Rabu) dengan kadar bayaran sebanyak RM100.50 (termasuk caj perkhidmatan).
- Pemilik syarikat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat bagi sebutharga ini yang akan diadakan pada **25 Februari 2026 (Rabu) jam 11.00 pagi bertempat di Dewan Orang Awam, Rumah Pangsa Taman Free School, DTL**. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebutharga ini. Wakil adalah tidak dibenarkan. Kebenaran khas CIDB adalah dibenarkan.
- Kontraktor adalah dikehendaki membawa bersama Sijil Asal **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** berstatus **PATUH**. Syarikat yang tidak menghadiri taklimat atau hadir selepas masa pendaftaran tidak layak mengambil bahagian dalam sebutharga ini.

LPNPP.(S).400-5/7/1 Jld.4 (56)

5. Cadangan Tawaran yang lengkap berserta maklumat pengalaman dan sesalinan dokumen seperti senarai semak hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebut Harga di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dikemukakan secara serahan tangan **sebelum jam 12.00 Tengahari pada 04 Mac 2026 (Rabu)** dan dimasukkan ke dalam:

**Peti Tawaran Sebut Harga/Tender
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
Paras 20, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10503 Pulau Pinang**

6. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) juga berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
7. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pn Nor Aziera Binti Abdul Rahman, Penolong Eksekutif Teknikal (Bahagian Teknikal, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang) di talian 04-2290014.



.....
(NUR SURIA BINTI AHMAD)
Eksekutif Teknikal
b.p. Pengurus Besar
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang